

24 JAN 2000

Effendi-Umno

UMNO TIDAK PERNAH ARAH SESIAPA BAWA MASUK UMNO KE SARAWAK, KATA EFFENDI

KUALA LUMPUR, 24 Jan (Bernama) -- Naib Presiden Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB) Datuk Effendi Norwawi berkata Umno tidak pernah membuat keputusan atau memberi arahan kepada sesiapa pun untuk membawa masuk parti itu ke Sarawak.

Beliau berkata perkara itu dijelaskan sendiri oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pada perjumpaan minggu lepas.

"Saya telah mendapat penjelasan daripada Abdullah dan diberitahu tidak pernah Umno membuat arahan kepada sesiapa untuk membawa Umno ke Sarawak.

"Sebenarnya Umno berpuas hati dengan adanya Barisan Nasional negeri dipimpin oleh PBB yang telah jelas berjaya dalam pilihan raya umum baru-baru ini. Saya ingat perkara ini tidak mendesak dan tidak ada keperluan untuk Umno memasuki Sarawak," katanya ketika diminta mengulas perkara itu hari ini.

Sebelum itu, Effendi yang juga Menteri Pertanian memberi taklimat mengenai kementerian itu termasuk tentang Dasar Pertanian Negara Ketiga (DPN3) kepada anggota parlimen Sarawak dari PBB yang diketuai Menteri Pertanian dan Industri Makanan negeri Datuk Adenan Satem.

Effendi berkata beliau yakin Umno berpuas hati dengan keadaan negeri Sarawak dengan perpaduan yang teguh di kalangan Bumiputera.

"Perdana Menteri (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) sendiri telah membuat kenyataan bahawa Umno tidak akan pergi ke sesuatu negeri yang boleh mengakibatkan perpecahan kaum," katanya.

Menjawab pertanyaan, beliau berkata tindakan bekas Menteri Pertahanan Datuk Abang Abu Bakar Mustapha untuk membawa masuk Umno ke Sarawak mungkin bertujuan mencari pengaruh politik.

Katanya Ketua Menteri Sarawak Tan Sri Abdul Taib Mahmud pernah berkata Abang Abu Bakar tidak dicalonkan semula sebagai calon PBB pada pilihan raya lepas kerana beliau tidak mendapat kepercayaan daripada orang di kawasanya sendiri dan kekalahannya mempertahankan jawatan Timbalan Presiden PBB juga menjelaskan ahli PBB tidak menyokongnya.

Effendi berkata, perkara berkaitan dengan isu itu akan dibincangkan di peringkat parti dan sebarang keputusan mengenainya akan ditentukan selepas berbincang dengan anggota parti.

-- BERNAMA

APG FAZ